

(21 Desember 2020) ROSMO P.6



ANNUAR MUSA (dua dari kiri) meninjau keadaan Flat Taman Segar Jalan Persiaran Lemak, Taman Segar, Cheras, Kuala Lumpur selepas menyampaikan bantuan keperluan asas dan pelitup muka kepada penduduk semalam.

Tiada kompromi salah guna kuasa lulus lesen

Oleh ZULKIFLI MANZOR dan
RASDAN AHMAD

PETALING JAYA — Tindakan tegas akan dikenakan kepada mana-mana pihak yang didapati terbabit menyalahgunakan kuasa bagi meluluskan lesen perniagaan kepada warga asing termasuk melaporkannya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berkata, perbuatan memberi lesen kepada warga asing bukan sekadar menyalahi undang-undang negara, malah turut bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

"Dasar ditetapkan kerajaan sebelum ini sudah menegaskan bahawa warga asing tidak dibenarkan memiliki lesen perniagaan, sama ada di tapak sementara Pasar Borong Harian Selayang atau pasar tani berhampiran.

"Jika kita kesan perkara itu, mereka akan disenarai hitam dan lesen berkenaan dirampas serta-merta," katanya selepas menyampaikan keperluan asas dan pelitup muka di Flat Taman Segar Jalan Persiaran Lemak, Taman Segar Cheras, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas tindakan orang dalam yang sanggup bersubahat dengan peniaga warga asing bagi meluluskan lesen, sekali gus membolehkan golongan berkenaan berniaga berhampiran tapak sementara Pasar Borong Harian Selayang serta pasar tani berdekatan.

Terdahulu difahamkan segelintir warga asing sanggup membayar sehingga RM3,000 bagi mendapat lesen yang diluluskan individu tertentu yang mewakili persatuan perniagaan tertentu.

Dikatakan pihak tersebut dapat mengaut untung berganda

dengan bayaran dikenakan adalah jauh lebih tinggi berbanding hanya lebih RM900 setahun yang ditetapkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Tambahnya, lesen perniagaan hanya untuk rakyat tempatan.

"Berapa ramai rakyat yang susah mendapat lesen walaupun hanya untuk perniagaan kecil-kecilan? Kita perlu konsisten dalam mendahulukan mereka dan seterusnya membela nasib golongan ini," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Annuar Musa memberitahu, semua rumah pangsa yang tidak lagi sesuai untuk diduduki akan diubah suai dan diberi wajah baharu.

Katanya, satu garis panduan lengkap telah disediakan DBKL.

"Projek itu turut membabitkan rumah pangsa persendirian yang dibangunkan oleh pemaju swasta," jelasnya.